

29/11/1997

China bantah Dr M, Goh temui PM Taiwan

BEIJING, Jumaat - China hari ini membantah pertemuan berasingan antara Perdana Menteri Taiwan, Vincent Siew, dengan rakan sejawatannya dari Malaysia dan Singapura di Taipei.

"Baru-baru ini beberapa pemimpin negara Asia Tenggara singgah di Taiwan sekembali dari sidang kemuncak Forum Kerjasama Asia Pasifik (Apec) untuk berunding dengan pegawai Taiwan," menurut kenyataan Kementerian Luar.

"China menyuarakan kebimbangan dalam perkara ini. Kami harap negara berkenaan menghormati pendirian China dalam isu Taiwan.

"Mereka tidak sepatutnya menggugat hubungan dua hala dengan negara ini (China) kerana isu Taiwan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong berunding secara berasingan dengan Siew. - AFP

(END)